

NO. SOALAN: 310

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]**

RUJUKAN :

SOALAN :

**Dato' Dr. Mujahid Bin Yusof Rawa [Parit Buntar] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan bahaya gerakan Radikal Evangelist
Kristian yang didakwa oleh Institut Kajian Strategik Islam Malaysia
(IKSIM).**

24

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan memberikan kebebasan kepada rakyat Malaysia untuk mengamalkan agama anutan masing-masing dalam keadaan damai dan harmoni selagi mana ia tidak bertentangan dengan undang-undang negara dan tidak menjejaskan ketenteraman awam, keselamatan negara, perpaduan atau prinsip moral. Dalam hal ini, setiap rakyat Malaysia bebas untuk menjalankan kegiatan keagamaan mereka tetapi ia perlulah tidak bertentangan dengan undang-undang negara serta tidak mempunyai unsur-unsur yang bertujuan mengembangkan agama mereka kepada orang yang menganuti agama Islam.

Berkenaan kegiatan Evangelist Kristian di Malaysia, sehingga kini aktiviti penganut agama berkenaan lebih tertumpu kepada aktiviti-aktiviti keagamaan sahaja.

Bagi memastikan kegiatan pertubuhan-pertubuhan agama tidak menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam, pihak polis sentiasa memantau aktiviti pertubuhan-pertubuhan agama di Malaysia agar tiada unsur-unsur ekstrem yang boleh menggugat keharmonian, perpaduan kaum dan keselamatan negara.